

**PKBM boleh digantung jika ada kepincangan pengurusan kewangan, kata Khairy
Malaysian Insider
Feb 5, 2014
OLEH the Malaysia insider**

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar (gambar) tidak menolak kemungkinan tindakan penggantungan dikenakan terhadap pengurusan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) sekiranya terdapat kepincangan dalam akaun bantuan RM1.5 juta untuk program pembangunan skuad berbasikal lebuhraya.

Menurutnya laporan audit akaun PKBM selama dua hari oleh Kementerian Belia dan Sukan pada 29 Januari lepas, mendapati beberapa kelemahan dan kepincangan serius dalam pengurusan kewangan yang diamalkan oleh persatuan itu.

Justeru, beliau berkata Pesuruhjaya Sukan dan pegawai audit dalaman kementerian diminta melakukan audit lanjutan terhadap akaun PKBM.

"Tindakan susulan hanya akan dapat dibuat selepas kita mendapat maklumat yang lebih teliti mengenai kelemahan yang dikenal pasti," katanya selepas mengumumkan pelantikan Robert J. Ballard sebagai Pengarah Teknikal Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) pada sidang media di Putrajaya hari ini.

Menurut Khairy, tahun lepas, sejumlah RM2.45 juta diperuntukkan kepada PKBM untuk program berbasikal dan RM1.5 juta daripadanya adalah untuk pembangunan sukan berbasikal lebuhraya.

Pada 2012, PKBM diberi peruntukan sebanyak RM2.95 juta dan RM1.8 juta pada tahun sebelumnya.

Dalam pada itu, Khairy telah meminta Ketua Setiausaha kementerian Datuk Jamil Salleh melihat semula prosedur pemberian bantuan kewangan kepada persatuan sukan di negara ini.

"Saya dapati bahawa syarat-syarat yang kita beri kepada persatuan yang menerima bantuan adalah terlalu umum dan mungkin ini juga menyebabkan pengurusan kewangan yang lemah oleh PKBM," katanya. - Bernama, 5 Februari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkbm-boleh-digantung-jika-ada-kepincangan-pengurusan-kewangan-kata-khairy>